



“TELADANI KEHIDUPAN PARA SAHABAT RASULULLAH SAW.”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ
الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ
إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ حَبِيبُهُ وَخَلِيلُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ
عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ الْمَيَّامِينَ
الْمُطَهَّرِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ
وَأَيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ
تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا
تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT.,



Saya berpesan kepada diri saya dan menyeru kepada sidang Jumaat yang dikasihi, marilah kita bertaqwa kepada Allah SWT. dengan melaksanakan semua perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah SWT. ialah orang yang paling bertakwa kerana takwa merupakan tonggak keinsanan yang akan menjadikan seseorang itu mendapat penilaian utama dan muktamad daripada Allah SWT.

Khutbah Jumaat pada minggu ini mengajak kita untuk ***"TELADANI KEHIDUPAN PARA SAHABAT RASULULLAH SAW"***.

Sidang Jumaat Yang Di Rahmati Allah,

Marilah kita sama-sama meneliti ciri-ciri utama akhlak mulia para sahabat khususnya yang di jamin syurga ketika masih hidup lagi. Mari kita lihat dari sudut ketaatan, kepatuhan dan keutamaan para sahabat kepada Rasul SAW. dalam apa jua keadaan, semata-mata untuk menegakkan syiar Islam. Sesungguhnya para sahabat telah melakukan segala pengorbanan dan perbuatan yang terbaik ketika membantu Rasulullah SAW. dalam menghayati syiar Islam.

Bahawa yang dikatakan sahabat Rasulullah SAW. ialah mereka yang hidup sezaman, dapat bertemu **atau** bersemuka, mendengar suara, mengenali Baginda, beriman dan menjadi rakan seperjuangan Rasulullah SAW. dalam mengembangkan Islam serta mati dalam keadaan Islam. Para sahabat Rasulullah SAW. adalah generasi paling utama dan terbaik. Hal ini adalah kerana mereka berkesempatan mengambil ilmu secara langsung, berdakwah dan berjihad bersama Rasulullah SAW. untuk menyebarkan Islam. Mereka dicintai oleh Rasulullah SAW. dan Allah SWT. pula telah memilih mereka menjadi sahabat Rasulullah SAW.



Para sahabat Rasulullah SAW. yang ramai jumlahnya adalah terdiri daripada pelbagai peringkat umur. Bilangan yang masyhur dan diketahui umum dalam banyak tulisan atau buku-buku ialah dalam sekitar 70 orang. Senarai kekananan (keutamaan) para sahabat Rasul SAW disusun mengikut penglibatan mereka dalam pelbagai aspek, antaranya mereka yang terlibat dalam siri-siri peperangan, contohnya Perang Badar, Perang Uhud ataupun penglibatan mereka dalam beberapa perjanjian; antaranya Perjanjian al-Hudaibiyah dan Bai'ah ar-Ridhwan.

Apakah ciri-ciri utama keistimewaan peribadi para sahabat Rasulullah SAW. yang menjadikan mereka unggul, hebat, cemerlang, terbilang dan amat di hormati sehingga perlu dicontohi dan diikuti. Antara sikap positif dan baik para sahabat Rasulullah SAW. ialah; ikhlas, mengharap redha Allah semata-mata, dengar dan patuh perintah Allah dan Rasul-Nya, sedia berkorban, mengutamakan jihad, sedia untuk mati syahid di medan peperangan, berbaik sangka dengan Allah dan Rasul serta manusia lain, yakin, bertaqwa, warak, jujur, amanah, sabar, tegas, ta'at, pema'af, lemah lembut, ringan tulang, suka membantu, sentiasa menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran, sentiasa menerima dan merujuk al-Quran, suka berpuasa sunat, istiqamah dengan setiap amalan termasuk amalan sunat dan berbagai lagi.

Kebanyakan para sahabat Rasulullah SAW. memang mempunyai keperibadian mulia yang berkualiti tinggi. Bahkan sebahagian para sahabat ada yang menjadi khalifah, gabenor, wazir, ketua tentera, ketua masyarakat, pegawai dan petugas biasa, namun mereka tetap memberi keutamaan dan melakukan tugas yang terbaik ketika menyampaikan perkhidmatan kepada masyarakat. Mudah-mudahan dengan amalan tersebut masyarakat dapat



merasakan bahawa Islam adalah satu agama yang mesra ummah, segala perintahnya mudah dilaksanakan dan tidak membebankan.

Sidang Jumaat Yang Di Rahmati Allah,

Dikalangan para sahabat, yang paling utama dinyatakan menurut hadis yang diriwayatkan oleh Jabir bin 'Abdullah RA. bahawa Rasulullah SAW. bersabda yang bermaksud;

"Sesungguhnya Allah telah memilih para sahabatku di atas sekalian alam kecuali para Nabi dan Rasul. Maka aku telah memilih empat orang dari kalangan sahabatku iaitu; Abu Bakar, Umar, 'Utsman serta Ali dan menjadikan mereka sahabatku (yang utama). Baginda bersabda lagi: Sahabatku semuanya di atas kebaikan, umatku terpilih di atas sekalian umat".

(Riwayat al-Bazar).

Para sahabat Rasulullah SAW. telah membuktikan betapa mereka sangat mengasihi, menyayangi dan sentiasa memberikan keutamaan kepada setiap arahan atau permintaan yang dianjurkan oleh Rasulullah SAW. untuk kepentingan Islam. Dalam bahasa yang mudah para sahabat sentiasa siap sedia untuk melakukan apa saja tindakan yang akan diminta oleh Rasulullah SAW. untuk kepentingan Islam. Sifat-sifat mulia ini akan terpancar secara zahir kepada mana-mana sahabat Rasulullah SAW., khususnya dari 10 sahabat yang di jamin sebagai ahli syurga tadi dan juga para sahabat tersohor yang lain. Keadaan ini diakui oleh Rasulullah SAW. dan dirakamkan oleh Allah SWT. dalam al-Quran.

Firman Allah SWT. menyebut dalam surah at-Taubah ayat 100;



وَالسَّابِقُونَ الْأَوَّلُونَ مِنَ الْمُهَاجِرِينَ وَالْأَنْصَارِ
وَالَّذِينَ اتَّبَعُوهُمْ بِإِحْسَانٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ وَرَضُوا
عَنْهُ وَأَعَدَّ لَهُمْ جَنَّاتٍ تَجْرِي تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ
فِيهَا أَبَدًا ذَلِكَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ

"Dan orang-orang yang terdahulu - yang mula-mula (berhijrah dan memberi bantuan) dari orang-orang "Muhajirin" dan "Ansar", dan orang-orang yang menurut (jejak langkah) mereka dengan kebaikan (iman dan taat), Allah reda akan mereka dan mereka pula reda akan Dia, serta ia menyediakan untuk mereka syurga-syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, mereka kekal di dalamnya selama-lamanya; itulah kemenangan yang besar".

Dari ketulusan amalan zahir dan batin para sahabat Rasulullah SAW., ianya turut terpancar melalui ungkapan kata-kata yang menggambarkan tahap iman dan tingkat ketaqwaan mereka. Mari kita renungkan contoh ungkapan kata-kata hikmah empat sahabat utama tersebut. Dari kata-kata hikmah yang dicatit oleh sejarah itu amat nyata sekali keyakinan mereka kepada kehidupan di akhirat yang kekal abadi. Malahan dengan menyedari amanah tersebut perlu ditunaikan dengan penuh tanggungjawab, mereka mendahulukannya untuk dilaksanakan. Walaupun para sahabat berpeluang memiliki segala kekayaan, pangkat dan darjat tetapi itu semua tidak menyebabkan mereka lupa kepada peranan dan tanggungjawab selaku hamba dan khalifah Allah SWT. di muka bumi ini.



Antara contoh ungkapan kata-kata hikmah daripada empat sahabat utama ialah;

1. Saiyidina Abu Bakar As-siddiq RA. berkata; *"Sekiranya aku di jalan yang betul, berilah bantuan, sekiranya aku menyimpang, tegurlah! Kebenaran adalah amanah, pendustaan adalah khianat!"*
2. Saiyidina Umar al-Khattab RA. berkata; *"Dalam menunaikan tugas maka kitab suci al-Quran adalah panduanku dan aku akan mengikuti jejak langkah yang dilalui oleh Rasulullah SAW. dan Abu Bakar RA., sehubungan itu, aku memerlukan bantuan dari kamu sekalian."*
3. Saiyidina Uthman bin Affan RA. berkata; *"Di akhirat, seksaan pedih bagi mereka yang mengingkari Allah dan keampunan serta keredhaan dari Allah bagi mereka yang mentaati perintah Allah dan apalah kehidupan di dunia ini selain kesenangan yang palsu."*
4. Saiyidina Ali KW. berkata; *"Seseorang Islam yang sejati seharusnya merupakan seorang Islam yang menggunakan lidah dan anggotanya untuk menegakkan kebenaran; tidak menghalalkan darah seorang Muslim kecuali yang disyariatkan, berlumba-lumbalah kamu membuat kebajikan untuk umum."*

Sidang Jumaat Yang Di Rahmati Allah,

Oleh itu kita juga dididik supaya kita tidak mencela atau mencerca para sahabat Rasulullah SAW. kerana mereka amat mulia dan jujur dalam melakukan amal. Sesungguhnya Rasulullah SAW. memang melarang kita supaya jangan mencerca para sahabat Baginda. Oleh yang demikian, janganlah sekali-kali kita menghina para sahabat Rasulullah SAW. dengan



apa cara sekalipun kerana bukan taraf kita untuk mempertikai kewibawaan dan keimanan mereka.

Hadis daripada Abu Hurairah RA. bahawa Rasulullah SAW. bersabda;

لَا تَسُبُّوا أَصْحَابِي فَلَوْ أَنَّ أَحَدَكُمْ أَنْفَقَ مِثْلَ
أُحُدٍ ذَهَبًا مَا بَلَغَ مُدًّا أَحَدِهِمْ وَلَا نَصِيفَهُ.

"Janganlah kamu mencaci/mencela para sahabatku! Sekiranya seseorang dari kamu menafkahkan / bersedekah / infak emas sebesar gunung Uhud sekalipun, hal itu tidak akan sama ganjaran yang dilakukan oleh mereka walau satu mud (secupak) mahupun setengah /separuh."

(Riwayat al-Bukhari, Muslim, dan Muttafaqun 'alaih).

Sidang Jumaat Yang Di Rahmati Allah sekalian,

Sesungguhnya para sahabat telah melakukan segala-galanya dan apa sahaja demi untuk mempertahankan kesucian dan kemuliaan Islam.

Hadis daripada Barra' Bin Azib RA. bahawa Rasulullah SAW. telah bersabda yang bermaksud;

"Tidaklah mencintai kaum Ansar kecuali orang yang beriman. Dan tidaklah membenci mereka kecuali orang munafik. Barangsiapa mencintai mereka nescaya Allah mencintainya. Barangsiapa membencinya, nescaya Allah membencinya."

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim).

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,



Marilah kita ambil iktibar daripada sejarah kehidupan para sahabat Rasulullah RA. yang antaranya ialah;

1. Umat Islam kini hendaklah mencontohi dan mengamalkan nilai-nilai mulia yang telah sehati dengan kehidupan para sahabat Rasulullah RA. yang mereka telah lakukan semasa bersama dengan Rasulullah SAW.
2. Umat Islam hendaklah memiliki ciri-ciri dan sifat-sifat seperti yang dimiliki oleh para sahabat RA. yang memiliki kualiti keyakinan diri ditahap tinggi yang menjadikan mereka sanggup melakukan apa saja dari segi tenaga, masa, harta benda dan jiwa raga untuk memperjuangkan Islam. Kemuliaan, keikhlasan dan mujahadah yang mereka lakukan amat menakjubkan.
3. Umat Islam hendaklah bersungguh-sungguh mempelajari dan mengamalkan perjalanan para sahabat dalam menjalankan kerja-kerja dakwah mereka dalam menyebarkan risalah Islam.
4. Umat Islam hendaklah jangan sekali-kali menghina atau mencela para sahabat Rasulullah Ridwanullahu Alaihim Ajmain.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَالَّذِينَ تَبَوَّءُوا الدَّارَ وَالْإِيمَانَ مِنْ قَبْلِهِمْ يُحِبُّونَ مَنْ
هَاجَرَ إِلَيْهِمْ وَلَا يَجِدُونَ فِي صُدُورِهِمْ حَاجَةً مِمَّا أُوتُوا



وَيُؤْتِرُونَ عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ وَلَوْ كَانَ بِهِمْ خَصَاصَةٌ وَمَنْ
يُقِشْ نَفْسِهِ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿٩﴾

"Dan orang-orang (Ansar) yang mendiami negeri (Madinah) serta beriman sebelum mereka, mengasihi orang-orang yang berhijrah ke negeri mereka, dan tidak ada pula dalam hati mereka perasaan berhajatkan apa yang telah diberi kepada orang-orang yang berhijrah itu; dan mereka juga mengutamakan orang-orang yang berhijrah itu lebih daripada diri mereka sendiri, sekalipun mereka dalam keadaan kekurangan dan amat berhajat. dan (ingatlah), sesiapa yang menjaga serta memelihara dirinya daripada dipengaruhi oleh tabiat bakhilnya, maka merekalah orang-orang yang berjaya".

(al-Hasyr : 9).



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ
فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ
يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ
الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ
وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ
لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ



الأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ
مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ . اللَّهُمَّ إِنَّا
نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ ، وَنَسْأَلُكَ
بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْ تَحْفَظَ
بِعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ ،
جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانَ سَلَاعُورِ ، سُلْطَانَ
شَرَفُ الدِّينِ اِدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ
سُلْطَانَ صَلَاحُ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ .
اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ ، وَالصِّحَّةَ
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَاعُورِ ، تَعَكُّو أَمِيرِ
شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفُ الدِّينِ اِدْرِيسِ شَاهِ
الْحَاجِ فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا



ذَٰلِجَلَالِ وَإِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطِّلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ
لِلْمُوْظَفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقاصِدَهُمَا
لِطَرِيْقِ الْهُدٰى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkeadilan.

Justeru kami mohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, kami mohon kehadiranmu, mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Waljamaah dan peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat seperti fahaman syiah yang melampau dan Qadyani serta lain-lain fahaman.

Ya Allah, bukannya hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat dan kefarduan yang lain. Berkatilah hidup orang-orang yang melaksanakan zakat dan menyayangi fakir dan miskin serta



mereka yang mewakafkan dan menginfakkan harta untuk Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.